

**SOALAN NO: 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN NOGEH ANAK GUMBAK**

**TARIKH: 2 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Nogeh anak Gumbek [ Mas Gading ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan campur tangan supaya pekerja tempatan bergaji hari diserap untuk gaji bulanan minimum RM 800 dalam sektor perladangan terutamanya dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs)**

**PR-1321-L60032**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kadar gaji minimum yang ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum 2011 adalah berdasarkan bulanan dan mengikut jam sahaja. Namun atas dasar *tripartite* dan bagi menjamin hak pekerja yang bergaji hari seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pihak Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menetapkan kadar gaji harian dalam Garis

Panduan untuk dijadikan panduan kepada majikan atau pekerja dalam memastikan pelaksanaan gaji minimum berjalan lancar.

2. Pada masa sekarang pihak MPGN sedang dalam proses mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Sehubungan dengan itu, pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, akan dipanjangkan kepada pihak MPGN bagi diperhalusi dan diteliti dalam proses semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012.